

DATE: 13 / 10 / 2009

Amanat 6 Presiden Umno jadi rujukan

BH - 13/10/2009

Buku dapat perjas proses pembinaan negara, bangsa

Oleh Faiza Zainudin
faiza@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Koleksi buku *Amanat Presiden Umno* boleh menjadi sumber rujukan bagi ahli Umno dan rakyat Malaysia dalam memahami proses pembinaan negara dan bangsa Malaysia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, tempoh 63 tahun bukanlah waktu yang lama bagi sesuatu negara, namun dalam tempoh yang singkat itu Malaysia berjaya mencapai banyak tanda aras kecemerlangan.

"Daripada sebuah negara yang terjajah kepada negara yang bebas merdeka, daripada sebuah negara pertanian kepada negara industri dan daripada sebuah negara yang rata-rata warganya hidup di luar bandar kepada negara di mana majoriti warganya tinggal di bandar dan berada dalam kelas menengah," kata Najib menerusi kata-kata aluannya dalam buku itu.

Beliau berkata, salah satu sebab utama transformasi itu berjaya direalisasikan

adalah kerana Presiden Umno sejak Almarhum Tunku Abdul Rahman sehingga hari ini adalah juga Perdana Menteri.

"Dalam dwikapasiti mereka sebagai ketua parti dan ketua kerajaan, membolehkan aspirasi rakyat terbanyak didukung melalui perjuangan parti dan seterusnya diterjemah melalui dasar-dasar kerajaan," katanya.

Najib berkata, tidak ada pihak yang mampu menafikan peranan Umno dalam proses perkembangan demokrasi dan pembangunan di Malaysia dan ahli parti itu hari ini amat terhutang budi kepada keenam-enam bekas presiden.

"Diharapkan dengan menyusuri sejarah perjuangan parti melalui amanat Presiden-presiden Umno ini, ahli-ahli khususnya, dan rakyat Malaysia amnya, mampu memahami susur galur dan dinamik gerakan mencapai kemerdekaan, penubuhan Malaysia, tragedi 13 Mei dan penggubalan Dasar Ekonomi Baru, serta bagaimana transformasi Malaysia daripada sebuah negara pertanian ke-



MUHYIDDIN menyampaikan buku Amanat Presiden kepada Tun Dr Mahathir, di Kuala Lumpur, semalam.

pada negara industri boleh berlaku," katanya.

Buku *Amanat Presiden Umno* yang dilancarkan semalam oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menghimpunkan ucapan semua enam Presiden Umno terdahulu pada persidangan parti ber-

“Tidak ada pihak mampu menafikan peranan Umno dalam proses perkembangan demokrasi dan pembangunan di Malaysia dan ahli parti itu hari ini amat terhutang budi kepada keenam-enam bekas presiden”

Najib Razak
Perdana Menteri

mula dengan Datuk Onn Jaafar (1946-1951) diikuti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1951-1971), Tun Abdul Razak Hussein (1971-1976), Tun Hussein Onn (1976-1981), Tun Dr Mahathir Mohamad (1981-2003) dan Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009).

Buku terbitan Berita Publishing Sdn Bhd itu dijual dengan harga RM200 senaskah dan boleh didapati di kedai-kedai buku seluruh

Sementara itu, Muhyiddin menyarankan rakyat di negara ini agar mengambil inisiatif mengenali Umno menerusi ucapan semua presidennya.

Beliau berkata, dengan cara itu rakyat pelbagai bangsa akan dapat memahami asas perjuangan sebenar Umno dalam membangunkan negara.

"Sesungguhnya ucapan Presiden Umno amat perlu diamati dengan teliti sebagai satu sumber rujukan kepada ahli parti dan rakyat Malaysia dalam usaha memahami proses pembinaan negara

yang semakin terhakis selagi mana generasi muda tidak tahu dan tidak mengambil iktibar daripada peristiwa lalu," katanya.

Majlis pelancaran itu turut dihadiri Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali selain ahli keluarga bekas Presiden Umno terdahulu.

Muhyiddin berkata, hanya selepas mengenali Umno barulah perasaan cinta yang mendalam terhadap parti itu akan lahir dan seterusnya timbul gerak hati untuk menabur bakti dan membalas budi dengan ikhlas.

"Bagi Umno yang merayakan ulang tahun penubuhan ke-63 tahun ini, tentulah tidak membawa apa-apa makna sekiranya kita sebagai ahli parti tidak berada dalam keadaan sentiasa membina dan membaja, mendidik dan memperkukuhkan parti untuk generasi seterusnya bagi memastikan Umno terus hidup dan relevan buat selama-lamanya," katanya.